



P U S P A N I T A

(Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia)
d/a Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 25 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Ruj.Kami : PUSPA/PP/AJK PPK KLT.3 (3)

Tarikh : 15 Mac 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datin / Puan,

MAJLIS ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG 2018 ANJURAN BIRO PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KELUARGA PUSPANITA CAWANGAN NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Diamklumkan bahawa, Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga, PUSPANITA Negeri Pulau Pinang akan mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang 2018 akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 8 April 2019 (Isnin)

Masa : 8.30 pagi – 12.30 tengahari

Tempat : *Akan dimaklumkan kelak

Aturcara : Lampiran A

3. Sehubungan itu, ahli-ahli PUSPANITA yang mempunyai anak yang telah mencatatkan keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi tahun 2018 adalah dipelawa untuk memohon.

4. Pelajar yang layak untuk dipertimbangkan perlu memenuhi syarat kelulusan berikut :

UPSR : Pencapaian 6A bagi pelajar Sekolah Rendah atau 7A bagi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina/ Tamil

PT3 : Pencapaian 7A

SPM : Sekurang-kurangnya 8A

STPM : Pencapaian 4A

STAM : Pencapaian sekurang-kurangnya 'Jayyid Jiddan' (Sangat Baik)

5. Ahli PUSPANITA yang bergiat aktif dalam PUSPANITA dan mempunyai anak-anak yang layak, dimohon untuk mengemukakan dokumen seperti berikut :

- i) **Borang Permohonan (Lampiran A);**
- ii) **Resit keahlian 3 tahun berturut-turut atau lain-lain bukti bayaran yuran tahunan;**
- iii) **Salinan slip keputusan peperiksaan yang disahkan; dan**
- iv) **Salinan Kad Pengenalan pelajar yang disahkan.**

6. Semua dokumen dan borang yang lengkap perlu dikemukakan kepada Urus Setia selewat-lewatnya sebelum atau pada **22 Mac 2019 (Jumaat)** melalui emel **sharmila@penang.gov.my**. Borang permohonan yang lengkap akan dinilai oleh Panel Penilaian dan keputusan adalah muktamad. Permohonan yang tidak menepati syarat yang telah ditetapkan dan diterima selepas tarikh tutup permohonan tidak akan dipertimbangkan. Pemohon yang berjaya akan dihubungi melalui telefon dan emel untuk hadir pada majlis tersebut.

7. Bersama-sama ini disertakan borang seperti di **Lampiran B** untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datin / Puan selanjutnya. Borang permohonan tersebut juga boleh dimuat turun dari laman web PUSPANITA (www.puspanita.penang.gov.my). Jika pihak YB Dato'/ YBhg. Datin / Puan mempunyai sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi pegawai berikut :

- i) **Puan Sharmila binti Muhamad Yatim – 04-6505168**

8 Kerjasama YBhg. Datin / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,


[MAS AYU SITI ASMAH HANI BINTI ZAINUL ABIDIN]
Pengerusi
Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga
PUSPANITA Cawangan Pulau Pinang
☎ : 04 - 6505503
✉ : mas.zainul@penang.gov.my

s.k Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang

Setiausaha PUSPANITA Negeri Pulau Pinang